


Jawab semua soalan di bawah

1. Rajah di atas merupakan tenggiling. Antara yang berikut, pemerhatian yang manakah yang paling sesuai?

- A. Tenggiling A lebih besar daripada tenggiling B dan C.
- B. Tenggiling A lebih kecil daripada tenggiling B dan C.
- C. Tenggiling B paling kecil berbanding tenggiling A dan C.
- D. Tenggiling C Paling besar berbanding tenggiling A dan B.

2. Rajah 2 menunjukkan sepasu tumbuhan yang telah layu.



Rajah 2

Antara yang berikut, yang manakah merupakan inferens (sebab) tentang keadaan tumbuhan itu?

- A. Tumbuhan itu memerlukan air untuk hidup.
- B. Tumbuhan itu akan mati selepas dua hari.
- C. Tumbuhan itu layu kerana tidak mendapat air.
- D. Tumbuhan itu adalah tumbuhan yang tidak berbunga.

3. Rajah 3 menunjukkan satu aktiviti




Rajah 3

Apakah kemahiran proses sains yang terlibat

- A. Meramal
- B. Membuat inferens
- C. Mendefinasi secara operasi
- D. Mengukur dan menggunakan nombor

4. Apakah kemahiran manipulatif yang ditunjukkan di dalam rajah 4



Rajah 4

- A. Menggunakan dan mengendalikan peralatan dan bahan Sains dengan betul.
- B. Melakar spesimen, peralatan dan bahan Sains dengan tepat.
- C. Mengendalikan spesimen dengan betul dan cermat.
- D. Membersihkan peralatan Sains dengan betul.

5. Rajah 5 berikut menunjukkan situasi-situasi yang berlaku dalam bilik sains.



Jamlan

Razak

Khairie

Nasir

Rajah 5

Murid manakah yang mematuhi peraturan bilik sains?

- A. Khairie dan Nasir
- B. Razak dan Khairie
- C. Nasir dan Jamlan
- D. Jamlan dan Razak



Rajah 6

6. Rajah 6 menunjukkan kelalang kon yang telah retak. Apakah yang harus dilakukan oleh murid jika perkara tersebut berlaku?

- A. Sembunyikan tanpa pengetahuan guru
- B. Buang kelalang kon ke dalam tong sampah
- C. Laporkan kepada guru dengan segera
- D. Biarkan di atas meja sehingga waktu sains tamat.

7. Antara peraturan bilik sains di bawah, yang manakah **SALAH**?

- A. Buang sisa pepejal seperti kertas ke dalam sinki
- B. Laporkan segera sebarang kecederaan kepada guru
- C. Lakukan kerja amali dengan teliti dan cermat
- D. Simpan peralatan sains ditempat yang betul.


8. Rajah 7 menunjukkan sepinggan nasi yang diletakkan di dalam sebuah almari. Selepas seminggu, kulat bertumbuh di atas permukaan nasi tersebut.



Rajah 7

Apakah kesimpulan yang paling tepat tentang keadaan nasi itu?

- A. Kulat memerlukan makanan untuk hidup
 - B. Semakin banyak kulat bertumbuh di atas nasi
 - C. Suhu yang rendah menyebabkan kulat bertumbuh
 - D. Kulat memerlukan keadaan panas dan lembap untuk bertumbuh
9. Rajah 8 menunjukkan pengelasan penyakit berjangkit berdasarkan jenis mikroorganisma yang menyebabkan penyakit tersebut.



Rajah 8

Antara berikut, yang manakah mewakili P dan Q?

	P	Q
A	Taun	Denggi
B	Kanser	Darah tinggi
C	AIDS	Demam campak
D	Denggi	Taun

10. Rajah 9 menunjukkan dua ujikaji yang dijalankan oleh murid tahun 6 Teratai.





Rajah 9

Apakah kesimpulan yang didapati daripada ujikaji di atas?

- A. Mikroorganisma menyebabkan penyakit berjangkit
- B. Mikroorganisma membiak dan bernafas
- C. Mikroorganisma bernafas dan bergerak
- D. Mikroorganisma membiak

11. Rajah 10 di bawah menunjukkan langkah pencegahan yang diambil oleh Aslam ketika melawat kawannya yang dijangkiti penyakit konjunktivitis.




Rajah 10

Walau bagaimanapun, selepas dua hari Aslam mendapati matanya berasa gatal, berair dan menjadi merah. Apakah yang perlu dilakukan oleh Aslam supaya penyakit itu tidak merebak kepada orang lain?

- A. Mengurung diri di dalam bilik
- B. Menggunakan penutup mulut semasa berbual
- C. Menggunakan cermin mata hitam ketika berbual
- D. Mengelakkan bersentuhan dengan orang lain

12. Rajah 11 menunjukkan sejenis haiwan.




Rajah 11

Bagaimanakah haiwan itu memastikan kemandirian spesiesnya?

- A. Bermigrasi
- B. Bergerak dalam kumpulan
- C. Membawa anaknya di dalam kantung
- D. Membawa anaknya di atas belakang badannya


13. Rajah 12 menunjukkan keadaan anak benih yang disemai oleh Amirah di dalam sebuah pasu. Selepas seminggu dia mendapati anak benih dalam pasu tersebut tumbuh tidak subur.



Rajah 12

Bagaimanakah Amirah boleh menjadikan anak benih tersebut tumbuh dengan lebih subur?

- A. Mengurangkan kuantiti baja
 - B. Menyiram air dalam kuantiti yang banyak
 - C. Menambah bilangan anak benih dalam pasu tersebut
 - D. Memindahkan sebahagian anak benih ke dalam pasu yang lain
14. Rajah 13 menunjukkan ketinggian pokok yang berbeza-beza di sebuah hutan.



Rajah 8

Daun yang hanya tumbuh di bahagian atas pokok adalah kesan daripada persaingan tumbuhan untuk mendapatkan...

- A. Cahaya matahari
 - B. Air
 - C. Nutrien
 - D. Ruang
15. Rajah 14 menunjukkan satu aktiviti haiwan.



Rajah 14

Pernyataan yang manakah benar mengenai rajah di atas

- A. Pembiakan haiwan
- B. Kemandirian spesies
- C. Interaksi antara haiwan
- D. Hidupan melindungi spesiesnya

16. Maklumat berikut menerangkan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak berkuasa untuk memelihara dan memulihara haiwan dan tumbuhan daripada terus diancam kepupusan.

- | | |
|---|--|
| P | -- Mewartakan hutan sebagai hutan simpan |
| Q | – Menanam semula pokok di kawasan pembalakan |
| R | – Menubuhkan pusat pemuliharaan penyu |
| S | – Menebang pokok secara terpilih |

Rajah 15

Usaha yang manakah melibatkan pemuliharaan haiwan dan tumbuhan daripada terus diancam kepupusan?

- A. P dan Q
- B. P dan S
- C. Q dan R
- D. R dan S

17. Rajah 16 menunjukkan satu situasi.



Rajah 16

Jika situasi itu semakin berleluasa, ramalkan apa akan terjadi kepada haiwan di kawasan itu ?

- A. Habitat haiwan dipelihara dengan baik
- B. Haiwan dapat lebih banyak udara yang bersih
- C. Kemandirian spesies haiwan terganggu
- D. Habitat semulajadi haiwan terancam


18. Maklumat berikut menunjukkan satu pernyataan .

Penggunaan gading gajah tidak digalakkan dalam pembuatan barangan

Antara berikut alasan yang manakah lebih tepat bagi menyokong pernyataan di atas.

- A. Gajah bersaiz besar
- B. Gajah akan terancam
- C. Gading gajah harganya mahal
- D. Gading gajah sukar diperoleh

19. Rajah 17 menunjukkan keputusan satu penyiasatan apabila seorang murid menolak bongkah kayu di atas empat jenis permukaan yang berbeza dengan menggunakan jumlah daya yang sama.



Rajah 17

Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang daya geseran bagi permukaan di atas?

- A. Daya geseran paling tinggi di atas permaidani
- B. Daya geseran di atas konkrit kurang daripada permaidani tetapi lebih daripada jubin
- C. Daya geseran di atas konkrit kurang daripada jubin tetapi lebih daripada permaidani
- D. Daya geseran di atas rumput kurang daripada jubin tetapi lebih daripada konkrit

20. Rajah 18 menunjukkan satu aktiviti.



Rajah 18

Apakah kesan daya yang ditunjukkan dalam Rajah 14?

- A. Mengubah bentuk objek
- B. Menggerakkan objek pegun
- C. Menyukarkan pergerakan
- D. Memegang objek